

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR UMS KENDALI KURSUS PROTOKOL

Seramai 30 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Kursus Protokol dan Etikat Sosial Siri II 2012, kelmarin. Kursus sehari yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 11 itu dikendalikan oleh Penolong Pendaftar, Bahagian Perhubungan Korporat (BPK), UMS, Hayati Salleh Baihaki.

Menurut Penyelaras Program, Norhana Nordin, pengurusan dan pelaksanaan majlis dengan sempurna bukan sahaja akan mencapai matlamat dan objektifnya, tetapi juga dapat mengelakkan pembaziran masa, kos dan tenaga.

Katanya, ianya turut memberi gambaran positif bukan sahaja terhadap organisasi dan pengajur, malahan terhadap individu yang terbabit.

"Kursus Protokol dan Etikat itu member pendedahan kepada pelajar UMS-KAL tentang perancangan dan perlaksanaan majlis mengikut protokol," katanya.

Norhana berkata terdapat empat objektif kursus berkenaan iaitu member pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengurusan majlis dan asas protocol majlis yang diadakan di UMS-KAL khasnya.

Katanya, ianya juga mengenalpasti

perkara-perkara utama dalam pengurusan majlis dan mempelajari teori dan amali menguruskan majlis serta kemahiran protocol, etika serta etikat dan komunikasi.

"Kursus Protokol untuk mengenalpasti kesilapan yang sering berlaku semasa mengurus dan mengendalikan majlis terutama yang diadakan di UMS-KAL," katanya.

Sementara itu, Hayati berkata peserta kursus diberi pendedahan mengenai penampilan diri dengan masyarakat, semasa menghadiri temuduga dan majlis rasmi yang dianjurkan jabatan dan agensi kerajaan termasuk UMS.

Hayati juga berharap pelajar akan memastikan ketrampilan diri termasuk perhiasan dan dandanannya yang sesuai dengan majlis, pakaian yang tidak menjolok mata dan penampilan diri ketika berhadapan dengan tetamu.

Kursus itu dianjurkan Unit Aktiviti dan Latihan Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS Kota Kinabalu dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS-KAL.

Turut membantu kelancaran kursus itu ialah kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Faridah Samsudin, Norizal Jumat dan Erman Mohd Kadrih.

